

## **GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI SATU DAN DUA RAJA-RAJA**

### **PERNYATAAN PENTING**

Pada lahiriahnya, buku-buku 1 dan 2 Raja-raja merupakan sejarah raja-raja Israel; sebenarnya, 1 dan 2 Raja-raja ditulis di bawah pengilhaman Roh Kudus dengan cara yang berkaitan dengan ekonomi abadi Tuhan; ekonomi ini disingkapkan dan disampaikan menerusi tipologi dan dilaksanakan melalui umat pilihan-Nya di bumi.

Hayat orang Kristian yang sebenar untuk pembinaan gereja sebagai bait Tuhan ialah hayat Kristus yang tersalib dan bangkit;  
Dia sebagai Roh beri-hayat dibina ke dalam diri kita  
supaya kita dikonform kepada kematian-Nya  
melalui kudrat kebangkitan-Nya  
untuk diperbarui hari demi hari  
dan ditransform daripada kemuliaan kepada kemuliaan  
demi kemuliaan-Nya dalam gereja.

Kemuliaan Tuhan — Tuhan yang diekspresikan dalam kesemarakan — memenuhi bait Tuhan, menandakan bahawa kemuliaan Tuhan, secara intrinsiknya berkaitan dengan ekonomi Tuhan, dan digarapkan ke dalam pekudus, akan menjadi kemuliaan kepada Tuhan dalam gereja dan dalam Kristus Yesus hingga semua generasi, dan seluruh kota Yerusalem Baru akan mempunyai kemuliaan Tuhan hingga keabadian, iaitu Tuhan sendiri yang memancar menerusi kota itu.

Para pejayeng dalam Wasiat Baru harus merupakan raja yang menerima kelimpahan kurnia dan kelimpahan berian keadilbenaran untuk meraja dalam hayat; untuk meraja dalam hayat, kita perlu berada di bawah pemerintahan Roh itu, dan kita perlu menikmati hadirat Tuan, yang merangkumi kuasa, kemakmuran, dan berkat Tuan.

Mesej Satu

**Wahi Intrinsik dalam 1 dan 2 Raja-raja  
berkenaan Ekonomi Tuhan yang  
Disingkapkan dan Disampaikan Menerusi Tipologi**

Bacaan Bible: Ef. 1:10, 22-23; 3:9; Kol. 2:9; 3:11; 1 Tim. 1:4; 1 Raj. 2:11-12; 6:1-2

**I. Bible ialah buku tentang ekonomi Tuhan—Kej. 1:1, 26-28; Wahi 21:1-2, 9-11:**

- A. Seluruh Bible, yakni Wasiat Lama dan juga Wasiat Baru, pertama-tamanya merupakan gambaran tentang ekonomi Tuhan dan kemudian merupakan definisi penuh dan penggenapan tentang ekonomi Tuhan—Ef. 1:10; 1 Tim. 1:4.
- B. Bible merupakan catatan wahi divin berkenaan ekonomi abadi Tuhan; Kristus ialah pusat dan realiti ekonomi ini—Yoh. 14:6; Kol. 1:15; 3:11:
  1. Kristus ialah perjasadan Tuhan Tritunggal, dan gereja ialah Tubuh Kristus—2:9; Ef. 1:22-23.
  2. Kristus dan gereja merupakan struktur atas Bible—Ef. 5:32.
- C. Ekonomi Tuhan, iaitu kunci bagi Bible, ialah Tuhan Tritunggal yang mempunyai rancangan dan pengaturan-Nya mendispenkan diri-Nya dalam Triniti Divin-Nya ke dalam umat yang dipilih, ditebus, dan dilahirukan-Nya untuk menjadi hayat, bekalan hayat, dan segala-gala bagi mereka agar menjadikan mereka ekspresi korporat-Nya, iaitu sebagai Tubuh Kristus pada mulanya dan sebagai Yerusalem Baru pada akhirnya—Ef. 3:9:
  1. Jika kita melihat bahawa ekonomi Tuhan ialah kunci bagi Bible, kita akan menggunakan kunci ini dalam pengkajian kita terhadap setiap buku dalam Bible.
  2. Jika kita melihat kunci ini dan menggunakannya, maka bagi kita Bible akan menjadi sama sebagaimana Bible adalah bagi Tuhan—wahi tentang ekonomi divin—Luk. 24:44-46.

**II. Satu dan 2 Raja-raja tidak berkaitan dengan fakta-fakta sejarah tetapi berkaitan dengan wahi intrinsik dalam buku-buku ini:**

- A. Wahi intrinsik sejarah menurut catatan dari Yosua hingga Ester adalah untuk menyingkapkan kepada kita bagaimana ekonomi abadi Tuhan dilaksanakan melalui umat pilihan-Nya di bumi—Yos. 1:1-9; 1 Sam. 16:12-13; 1 Raj. 2:11-12; 6:1-2.
- B. Pada lahiriahnya, buku-buku 1 dan 2 Raja-raja merupakan sejarah raja-raja Israel; sebenarnya, 1 dan 2 Raja-raja ditulis di bawah pengilhaman Roh Tuhan dengan cara yang berkaitan dengan ekonomi abadi Tuhan—Ef. 3:9; 1 Tim. 1:4.
- C. Daud dan Salomo, sebagai tamsil, ialah bukti yang kukuh bahawa sejarah raja-raja Israel berkaitan dengan ekonomi Tuhan, iaitu berkenaan Kristus sebagai perjasadan Tuhan dan gereja sebagai Tubuh Kristus—Ef. 5:32.
- D. Memandangkan Salomo dan bait yang dibinanya memainkan peranan yang penting dalam sejarah Israel dan meliputi lingkungan yang luas dalam sejarah itu, maka kedua-duanya merupakan bukti bahawa sejarah Israel amat berkaitan dengan penggenapan ekonomi abadi Tuhan dalam Wasiat Lama dari segi tipologi—Luk. 24:44:
  1. Kristus dan gereja yang merupakan sentraliti dan universaliti ekonomi Tuhan adalah universal dalam Wasiat Baru dan juga Wasiat Lama—Mat. 16:16-18.
  2. Kita perlu melihat bahawa buku-buku sejarah ditulis dari sudut pandangan ekonomi abadi Tuhan berkenaan Kristus dan gereja—Ef. 5:32.

## SATU DAN DUA RAJA-RAJA

### Mesej Satu (sambungan)

E. Semasa membaca 1 dan 2 Raja-raja, kita perlu melihat perkaitan antara buku-buku sejarah dalam Wasiat Lama dengan Wasiat Baru; perkaitan ini ialah ekonomi Tuhan untuk Kristus dan Tubuh Kristus—Ef. 1:22-23; 3:17; 4:16.

#### **III. Sejarah Wasiat Lama berkait rapat dengan ekonomi Tuhan dari segi tipologi—Ef. 3:9; 1 Kor. 5:7; 10:6:**

- A. Wasiat Lama ialah satu gambaran secara perlambangan tentang ekonomi abadi Tuhan, manakala Wasiat Baru ialah penggenapan yang praktikal tentang ekonomi abadi Tuhan.
- B. Tamsil-tamsil dari Kejadian hingga Ulangan menyingkapkan Tuhan Tritunggal terjadad dalam Kristus yang merupakan pusat dan lilitan ekonomi abadi-Nya, dan juga menyingkapkan Kristus sebagai berkat dan segala-galanya bagi umat pilihan Tuhan Tritunggal—Ul. 8:7-11.
- C. Dua belas buku sejarah dari Yosua hingga Ester menyingkapkan pergerakan Tuhan Tritunggal dalam umat pilihan-Nya untuk menduduki, mewarisi, dan menikmati Kristus almuhit yang dijanjikan-Nya sebagai tanah permai—Yos. 1:1-9, 13; Est. 4:13-14.
- D. Buku-buku puisi—Ayub, Mazmur, Amsal, Pengkhutbah, dan Kidung Agung—menyingkapkan bahawa Kristus ialah satu-satunya kesempurnaan yang ingin dikejar umat pilihan Tuhan dan satu-satunya kepuasan yang ingin diperoleh dan dinikmati umat pilihan Tuhan—Ayub 42:1-5; Mzm. 2:6-12; 8:1; Kid. 1:2-4; 6:1, 10, 13; 8:1, 14.
- E. Dalam tujuh belas buku nubuat dari Yesaya hingga Maleakhi, kita melihat bahawa Tuhan Tritunggal telah menjadi seorang Tuhan-manusia untuk menyempurnakan penebusan penuh-Nya demi penggenapan ekonomi abadi-Nya, yang akan berkonsumasi dalam langit baru dan bumi baru—Yes. 9:6; Wahi 21:1.
- F. Buku-buku dari Matius hingga Yohanes menyingkapkan bahawa Tuhan Tritunggal telah terproses dan terkonsumasi untuk menjadi Roh beri-hayat yang almuhit—Yoh. 1:14; 7:39.
- G. Buku Kisah Para Dutus menyingkapkan Roh beri-hayat yang almuhit menyebarluaskan diri-Nya sebagai realiti Kristus, yang merupakan perjasadan Tuhan, untuk menghasilkan gereja-gereja Tuhan—1:3, 8; 2:22-36; 4:23-31.
- H. Buku-buku dari Roma hingga Wahi menyingkapkan Roh beri-hayat yang almuhit membina gereja-gereja menerusi transformasi agar menjadi organisma Tuhan Tritunggal yang terkonsumasi, iaitu Tubuh Kristus, yang akan berkonsumasi dalam Yerusalem Baru sebagai pembesaran abadi bagi Tuhan Tritunggal yang terkonsumasi—Roma 1:3-4; 12:4-5; 16:20; Wahi 21:2, 9-11.

#### **IV. Wahi intrinsik dalam 1 dan 2 Raja-raja disingkapkan dan disampaikan menerusi tipologi:**

- A. Sejarah orang Israel bukan sahaja satu tamsil bagi seluruh gereja, tetapi juga tamsil bagi ekonomi Tuhan—1 Tim. 1:4.
- B. Israel mentamsulkan gereja sebagai umat pilihan Tuhan dalam Wasiat Baru—1 Kor. 5:7; 10:6:
  1. Hasrat Tuhan adalah untuk memperoleh Tubuh korporat—Ef. 1:22-23:
    - a. Demi Tubuh korporat ini, yang ditamsulkan oleh bangsa Israel, Tuhan menggarapkan diri-Nya ke dalam Israel korporat agar mereka menjadi rumah Tuhan, yakni kediaman Tuhan di bumi—Kel. 25:8-9; 40:34.
    - b. Israel korporat ini ialah tamsil bagi gereja sebagai Tubuh Kristus.

## GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

### Mesej Satu (sambungan)

2. Seluruh sejarah orang Israel ialah tamsil bagi gereja; Paulus mengaplikasikan sejarah bani Israel pada kehidupan gereja Wasiat Baru—1 Kor. 5:7; 10:6.
  3. Wasiat Lama mempunyai satu umat—Israel—and Wasiat Baru mempunyai satu umat—gereja; kedua-dua umat ini menghuraikan satu perkara yang dilakukan Tuhan—penggenapan ekonomi Tuhan—Ef. 1:10; 3:9.
  - C. Daud mentamsulkan Kristus yang menderita, manakala Salomo mentamsulkan Kritis yang dimuliakan dalam kingdom Tuhan serta kesemarakannya—1 Raj. 2:11-12.
  - D. Bait mentamsulkan Kristus dan gereja sebagai pembinaan Tuhan yang unik dalam alam semesta—Mat. 12:6; 16:18.
  - E. Penyabda Elisa mewakili ekonomi Wasiat Baru Tuhan dari segi tipologi; dia merupakan tamsil dalam Wasiat Lama yang mentamsulkan hal-hal benar dalam Wasiat Baru—2 Raj. 4:9.
  - F. Izebel, orang yang paling dibenci, iaitu isteri pagan Ahab, merupakan tamsil bagi Izebel dalam realiti Wasiat Baru—tamsil bagi gereja yang murtad—1 Raj. 16:31; 19:1-2; 21:23; Wahi 2:20-23.
  - G. Dari segi tipologi, istana raja dan bait Tuhan adalah berasingan, namun dari segi realiti Wasiat Baru, kedua-dua ini ialah satu bangunan—1 Raj. 9:15; Ef. 2:21-22:
    1. Dari satu segi, kita, iaitu percayawan Wasiat Baru, ialah hentar untuk melayan dan menyembah Tuhan—1 Ptr. 2:9.
    2. Dari segi yang lain, kita ialah raja kepunyaan Tuhan yang memerintah bagi Tuhan—Wahi 1:6, 9; 5:10.
  - H. Raja-raja merupakan tamsil bagi percayawan Wasiat Baru, kerana semua percayawan Wasiat Baru telah diselamatkan Tuhan untuk menjadi raja—Wahi 1:6, 9; 5:10:
    1. Percayawan dalam Wasiat Baru seharusnya menjadi penggenapan tipologi bagi raja-raja dalam ekonomi Tuhan—Roma 5:17, 21.
    2. Dalam Wasiat Baru, semua percayawan telah diselamatkan untuk menjadi raja-raja dan hentar—1 Ptr. 2:9; Wahi 1:6; 5:10; 2 Tim. 2:12:
      - a. Tuhan memerintah, tetapi Dia tidak memerintah secara langsung; Dia memerintah menerusi kita, percayawan, yang merupakan raja—Wahi 20:4, 6; 3:21.
      - b. Kita telah dilahirukan dengan memiliki hayat yang divin, rohani, syurgawi, rajani, dan diraja; ini menabalkan kita sebagai raja untuk memerintah segala sesuatu—Yoh. 1:12-13; 3:3, 5; Wahi 5:10; Roma 5:17, 21.
- V. **Buku-buku sejarah dimasukkan dalam Kitab Kudus kerana dari segi tipologi, buku-buku ini memberi kita gambaran yang hidup tentang ekonomi Tuhan; esens bagi tipologi Wasiat Lama ialah ekonomi Tuhan dengan Kristus dan Tubuh-Nya sebagai pusat dan realiti—Ef. 1:9; 3:9; 5:32.**